
DELEGASI MALAYSIA MENGHADIRI MESYUARAT THE 8TH SESSION OF THE INTERGOVERNMENTAL SCIENCE- POLICY PLATFORM ON BIODIVERSITY AND ECOSYSTEM SERVICES (IPBES8)

Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) telah mengetuai delegasi Malaysia ke Mesyuarat *The 8th Session of the Intergovernmental Science-Policy Platform on Biodiversity and Ecosystem Services (IPBES8)* yang telah diadakan secara dalam talian pada 14 hingga 24 Jun 2021.

Mesyuarat IPBES8 merupakan mesyuarat tahunan bagi *Intergovernmental Science-Policy Platform On Biodiversity And Ecosystem Services (IPBES)*, iaitu sebuah badan antara Kerajaan yang berperanan mengkaji isu biodiversiti dan perkhidmatan ekosistem serta memperkukuhkan interfasa antara sains dan dasar mengenai biodiversiti dan perkhidmatan ekosistem. IPBES bertujuan untuk menyokong pemuliharaan dan penggunaan berkekalan biodiversiti daripada aspek saintifik.

Delegasi Malaysia ke IPBES8 turut melibatkan 20 orang pegawai daripada pelbagai Kementerian dan Agensi iaitu Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Kementerian Pembangunan Bandar dan Sumber Asli Sarawak (MUDeNR), Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN), Jabatan Biokeselamatan (JBK), Jabatan Perikanan Malaysia (DOF), Jabatan Pertanian Malaysia (DOA), Sarawak Biodiversity Centre (SBC), Sabah Biodiversity Centre (SaBC) dan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB).

Dalam mesyuarat IPBES8 itu, Malaysia telah menyatakan pendiriannya dalam agenda-agenda utama yang dibincangkan. Di bawah agenda penilaian skop-skop laporan IPBES, Malaysia menyarankan supaya negara ahli mengambil iktibar di atas pandemik COVID-19 yang melanda dunia dengan menilai hubungan di antara

biodiversiti, air, makanan, tenaga dan kesihatan. Selain itu, delegasi Malaysia juga telah menekankan kepentingan perancangan untuk membina kapasiti serta memperkukuhkan asas pengetahuan dalam kalangan saintis dan pembuat dasar.

Mesyuarat IPBES8 juga telah bersetuju dengan rancangan kerja interim untuk tempoh sesi 2021-2022 bagi membina kapasiti negara-negara ahli. Malaysia melalui KeTSA akan terus terlibat secara aktif dalam mesyuarat dan program yang dianjurkan oleh IPBES pada masa hadapan.

YB DATUK SERI DR. SHAMSUL ANUAR BIN HJ NASARAH
MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI

5 JULAI 2021

